

11 MAR 2002

Yaik-Calon

KETARI: GERAKAN SENARAIPENDEKKAN 2 CALON

KUALA LUMPUR, 11 Mac (Bernama) -- Jawatankuasa Kerja Pusat Gerakan menyenaraipendekkan dua nama berbanding empat sebelum ini sebagai calon pilihan raya kecil Ketari, kata Presiden parti Datuk Seri Dr Lim Kheng Yaik.

Beliau enggan mendedahkan nama mereka sebaliknya menyatakan calon-calon itu adalah seorang peguam dan seorang doktor.

"Bagaimanapun, ia (nama calon) masih bergantung kepada pengesahan pengerusi Barisan Nasional (BN) Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya.

Beliau ditemui pemberita selepas jamuan malam meraikan Timbalan Perdana Menteri Singapura Lee Hsien Loong oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di sebuah hotel di sini, malam ini.

Yang disebut-sebut sebagai calon BN pada pilihan raya kecil kerusi Dewan Undangan Negeri kawasan Ketari ialah pengerusi Gerakan cawangan Ketari, Yum Ah Ha, 51, seorang peguam dan timbalan pengerusi Gerakan cawangan Perting, Dr Ng Keong Chye, 46.

Dr Lim berkata beliau dijadualkan menemui Perdana Menteri esok untuk membincangkan mengenai calon-calon itu.

Ditanya mengenai kemungkinan pilihan raya kecil itu menyaksikan pertandingan satu lawan satu antara Gerakan dan DAP, beliau berkata soal itu tidak penting.

Beliau mengakui bahawa Ketari adalah kerusi "panas" kerana pada pilihan raya umum lepas, BN hanya memenangnya dengan majoriti 231 undi.

Menurutnya semua pihak dalam BN kini perlu bekerja keras untuk mempertahankan kerusi itu.

Dr Lim berkata Gerakan juga berpuas hati dengan persiapan semua parti komponen BN yang sudahpun menyiapkan jentera masing-masing.

"Dengan itu, saya percaya kita akan menang, tapi kita tetap kena kerja kuat juga. Straight fight (satu lawan satu) lebih mudah atau susah bukan soalnya, apa yang penting adalah BN perlu bersedia dengan strategi bagi melawan balik atau menjawab isu-isu yang disuarakan DAP," katanya.

Mengenai kenyataan presiden Parti Keadilan Nasional Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail hari ini bahawa parti itu tidak akan bertanding pada pilihan raya Ketari, Dr Lim berkata walaupun Wan Azizah menyatakan kesediaan untuk menyokong DAP tetapi partinya belum tentu memberikan sokongan.

Sementara itu, Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakub yang ditemui selepas majlis itu, berkata nama calon yang dipilih akan diumumkan pada 5.30 petang esok selepas Dr Lim mendapatkan pengesahan Perdana Menteri.

Adnan, yang juga Pengarah Pilihan Raya BN Ketari, berkata pengumuman itu akan dibuat di bilik gerakan BN di Bangunan Umno di Bentong.

Kerusi DUN Ketari di Pahang kosong berikutan kematian anggotanya, Datuk Loke Koon Kam dari Gerakan, akibat barah pada 3 Mac lepas.

-- BERNAMA

MAD AZH NAK